

Neptune: Sebutir Nilam yang Enigmatik

written by Hazrul | 17/07/2023

*Gambar pemandangan planet Neptune yang diambil dari kapal angkasa Voyager 2.
Sumber: NASA/JPL. Diterbitkan pada 30 Oktober 1998.*

Saiz Neptune ialah kira-kira empat kali lebih luas daripada saiz Bumi. Jika Bumi ibarat sebuah epal besar, Neptune pula seakan sebiju bola keranjang (sama seperti Uranus).

Planet ini merupakan planet kelapan yang mengorbit Matahari pada jarak kira-kira 2.8 bilion batu (4.5 bilion kilometer). Sama seperti tiga planet gas yang lain (Masytari, Zuhail, dan Uranus), planet Neptune juga mempunyai hari yang pendek tetapi tahun yang panjang. Neptune mengambil masa kira-kira 16 jam untuk berputar pada paksinya sekali, dan 165 tahun Bumi untuk melengkapkan satu putaran orbit mengelilingi Matahari.

Planet Neptune ialah sebuah planet gergasi ais. Jisimnya terdiri daripada cecair panas seperti air, metana dan ammonia yang dimampatkan di atas sebuah teras berbatu yang kecil (sama seperti planet Uranus). Planet Neptune tidak dapat menyokong sebarang kehidupan.

Atmosfera planet ini terdiri daripada hidrogen molekul, helium atom dan metana. Planet ini mempunyai 14 bulan yang telah dikenal pasti dan dinamakan sempena dewa laut dan daripada mitologi Yunani.

Planet Neptune juga mempunyai sekurang-kurangnya lima buah gegelung utama dan empat lagi lengkok gegelung (*ring arcs*), iaitu gugusan habuk yang mungkin terbentuk disebabkan oleh tarikan graviti bulan yang berdekatan.

Voyager 2 adalah satu-satunya kapal angkasa yang telah melawat Neptune. Sehingga kini, masih belum ada kapal angkasa lain yang mengorbit planet ini untuk mengkajinya secara terperinci.

Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), *Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, Neptune*

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi

Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan

Institut Pengajian Termaju (IAS)

Universiti Malaya